

**SOALAN NO. 96****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah graduan yang menerima biasiswa JPA dan berapakah jumlah graduan tersebut yang ditawarkan jawatan di agensi-agensi kerajaan pada tahun 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan yang menerima tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan tamat pengajian bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seramai 42,228 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 10,678 orang graduan telah dilantik dalam Perkhidmatan Awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Pecahan jumlah graduan tajaan JPA dan jumlah yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam melalui lantikan SPA mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Graduan Tamat	Jumlah Graduan Berkhidmat Melalui Lantikan SPA
2012	9,123	2,138 (23%)
2013	8,520	2,414 (28%)
2014	12,706	2,791 (22%)
2015	14,595	1,787 (12%)
2016	13,569	1,548 (11%)
<b>Jumlah</b>	<b>58,513</b>	<b>10,678 (18%)</b>

Graduan tajaan JPA dihendaki melapor diri, dan memohon jawatan dengan Pihak Berkuasa Melantik (PBM) iaitu SPA untuk berkhidmat dengan Kerajaan bagi maksud memenuhi syarat kontrak berkhidmat sepertimana yang termaktub di dalam perjanjian pelajar.

Selain daripada SPA, graduan tajaan JPA juga boleh memohon jawatan dengan PBM seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, Majlis Angkatan Tentera dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan lain sebagaimana yang diarah atau dipersetujui oleh Kerajaan.

Mulai tahun 2011 Kerajaan juga telah melaksanakan dua inisiatif iaitu *Talent Acceleration in Public Service (TAPS)* dan *Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR)* sebagai alternatif kepada graduan tajaan JPA yang tidak dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam.

Program TAPS dilaksanakan untuk menindik graduan tajaan JPA bagi menimba pengalaman di agensi/jabatan Kerajaan terpilih sebelum diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam. Program STAR pula membenarkan graduan tajaan JPA untuk berkhidmat di syarikat-syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan, syarikat swasta atau syarikat yang berdaftar di bawah program ini. Sehingga Disember 2017, sebanyak 2,774 syarikat telah berdaftar di bawah program STAR dan seramai 5,148 (10%) orang graduan telah mendapat manfaat dari inisiatif Kerajaan ini.

Sekian, terima kasih.